

Headline **Pengesan tanpa waya rtingkat kualiti petani**
Date **08. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **26**
Section **Ekonomi** Article Size **103** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Pengesan tanpa wayar tingkat kualiti petani

PETANI kini berupaya meningkatkan hasil dan kualiti produk pertanian mereka dengan teknologi pengesan tanpa wayar terkini dibangunkan oleh Mimos Bhd, dikenali sebagai pengesan tanpa wayar MEMS.

Pengesan tanpa wayar itu, menyerupai alat pemeriksaan berbentuk pen dan direka bentuk untuk ditanam di dalam tanah, dijangka berharga di bawah RM100 seunit berbanding teknologi sedia ada yang membabitkan kos sekitar RM2,000 hingga RM3,000 seunit.

Ketua Pusat Kluster Nano Mikro & Sistem Mekanikal Elektro Mikro (MEMS), Mimos, Prof Dr Masuri Othman, berkata peranti itu berupaya mengukur kelembapan, kelembapan udara, suhu, keasidan, nitrat, fosfat dan kalium dalam tanah.

"Pengesan tanpa wayar adalah satu teknologi hibrid yang menggabungkan peranti pengesanan, pengetahuan tanpa bertulis, sistem maklumat geografi, ramalan cuaca, sistem sokongan keputusan dan pengawalan maklum balas," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Masuri berkata, pengesan itu direka bentuk sebegitu rupa bagi merapatkan jurang sosio-ekonomi di negara ini dan membantu membasmi kemiskinan di kalangan petani.

Katanya, ia juga untuk menyediakan teknologi maju kepada komuniti sejajar usaha kerajaan untuk menggiatkan sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-sembilan.

Beliau menjelaskan, kerajaan kini komited untuk memajukan pertanian secara tradisional kepada pertanian moden dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan petani berkat hasil tanaman yang meningkat.